

5 September 2018

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan,

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Pensijilan Semula RSPO Bagi Kulim (M) Berhad, Kilang Kelapa Sawit Sedenak dan ladang sawit – Kulai, Johor, Malaysia

Kulim (M) Berhad (RSPO Membership No: 1-0080-09-000-00 (Johor Corporation)) telah melantik BSI untuk melaksanakan pensijilan semula RSPO untuk Kilang Kelapa Sawit Sedenak dan ladang-ladangnya. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 1 kilang kelapa sawit dan 4 ladang kelapa sawit yang diuruskan oleh Kulim (M) Berhad. Kilang kelapa sawit tersebut terletak di Kulai, Johor, Malaysia

BSI merancang untuk melakukan pensijilan semula Kilang Kelapa Sawit Sedenak pada 8-12 Oktober 2018. Pensijilan semula akan diadakan menurut Interpretasi Nasional Malaysia RSPO P&C MYNI 2014 dan *RSPO Supply Chain Certification Standard – CPO Mills*: June 2017. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian RSPO P&C. Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Kilang Kelapa Sawit Sedenak dan Ladang – Ladang	
Nama kilang	Kilang Kelapa Sawit Sedenak
Kapasiti Kilang (mt/jam)	90 mt/jam
Lokasi	Kulai, Johor, Malaysia
Alamat	KB 721, 80990 Kulai, Johor, Malaysia
Rujukan GPS (Kilang Kelapa Sawit)	103° 32' 21.97" E ; 1° 43' 47.41" N
Pengeluaran CPO (Anggaran 2018) (MT)	30,693.45 mt
Pengeluaran PK (Anggaran 2018) (MT)	7,984.28 mt
Pengeluaran FFB (Anggaran 2018) (MT)	153,544.00 mt

Ladang	Rujukan GPS	Kawasan Matang (Ha)	Kawasan Belum Matang (Ha)	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Anggaran Pengeluaran FFB (MT)
Sedenak	103° 31' 36.24" E ; 1° 42' 48.79" N	2,467.53	0.00	2,875.78	56,449
Ulu Tiram	103° 47' 26.40" E ; 1° 37' 28.02" N	502.70	4.00	537.29	9,282
Kuala Kabong	103° 26' 0.87" E ; 1° 41' 20.10" N	1,622.70	0.00	1,736.10	31,472
Basir Ismail	103° 54' 52.07" E ; 1° 37' 47.84" N	2,651.60	162.05	3,193.92	56,341
TOTAL		7,244.53	166.05	8,343.09	153,544

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 60,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawaian BSI adalah sebuah Badan Piawaian Kebangsaan United Kingdom. BSI Group adalah pembekal pensijilan pihak ketiga yang bebas yang telah mempunyai akreditasi untuk persijilan RSPO melalui pejabat di Malaysia dan pejabat urusan di Indonesia, Singapura, Thailand dan Australia.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit pensijilan semula di Kilang Kelapa Sawit Sedenak dan ladang-ladangnya terdiri daripada:

En Hafriazhar Mohd Mokhtar sebagai Ketua Juruaudit (Penilaian kriteria "Supply Chain" di kilang, Aspek Undang-Undang, Sosial dan Alam Sekitar); **En. Muhammad Naquiddin Mazeli** sebagai Juruaudit (Amalan Pertanian Terbaik di Ladang, Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Aspek undang-undang, HCV dan Sosial); **Cik Rahayu Zulkifli** sebagai juruaudit (Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran, Aspek Undang-Undang dan Sosial).

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan. Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:

Alamat:

Email:

Nombor Telefon:

Nombor Faks:

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pengurus Skim RSPO

Mr. Nicholas Cheong
BSI Services Malaysia Sdn Bhd
Unit 10-03, Level 10, Tower A
The Vertical Business Suites
Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur Malaysia
Fax : +603-2242 4218
Email : Nicholas.Cheong@bsigroup.com

DAN/ATAU

Auditee:

Mrs Salasah Elias
Deputy General Manager System and
Sustainability
Kulim (M) Berhad
K.B. 705 80990 Johor Bahru
Johor, Malaysia
Fax : + 07 8631084 / 07 8611194
Email : salasah@kulim.com.my

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....
Nicholas Cheong
Pengurus Skim RSPO